

09 JUN, 2024

Lima teras perkasa TVET di Malaysia

Berita Harian Ahad, Malaysia

Lima teras perkasa TVET di Malaysia

23 strategi, 67 inisiatif hadapi landskap semasa serta cabaran teknologi baharu

Kuala Lumpur: Dasar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) 2030 yang dilancarkan semalam mengandungi lima teras strategik, meliputi 23 strategi dan 67 inisiatif utama bagi mendepani landskap semasa bidang itu serta cabaran teknologi baharu yang kompleks.

Ia mengandungi garis panduan komprehensif yang menetapkan aspirasi dan hala tuju kerajaan dalam mencapai matlamat Malaysia ke arah negara maju berpaksikan modal insan berkemahiran melalui program TVET yang responsif, fleksibel dan inklusif.

Dokumen Dasar TVET Negara 2030 yang diedarkan semalam, menegaskan pembangunan modal insan dan ketersediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi

menjadi faktor kritikal dalam memastikan pasaran buruh yang cekap dan inklusif untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara yang mampan.

“Selaras itu, kerajaan memberi penekanan terhadap TVET bagi menyokong hasrat membangunkan bakat tersedia masa hadapan menepati keperluan industri yang dinamik dan secara langsung dapat mengurangkan keberuntungan kepada tenaga kerja asing,” menurut dokumen berkenaan.

“Dasar ini bukan hanya dokumen panduan untuk memastikan penyelarasan pelaksanaan TVET secara holistik. Kejayaan pelaksanaannya sangat signifikan untuk mengekalkan daya saing global, terutama dalam bidang TVET yang bermatlamat melahirkan pekerja berkemahiran dengan pendapatan tinggi,” menurut dokumen itu.

Lima teras digariskan dalam dasar berkenaan adalah Tadbir Urus Komprehensif dan Bersinergi; Kualiti dan Laluan Pendidikan Bertaraf Dunia; Kerjasama Industri Cekap dan Produktif; Pembiayaan TVET Mampan dan TVET Pilihan Utama Kerjaya.

Tadbir Urus Komprehensif dan Bersinergi Tadbir berupaya men-

dorong pelaksanaan TVET dengan lebih berkesan, terutamanya berkaitan isu kawal selia dan pemantauan serta penyelarasan data dan maklumat TVET.

“Dengan wujudnya ekosistem TVET lebih bersepadu, ia mampu melonjakkan keberhasilan modal insan berkemahiran,” menurut dokumen itu.

1,345 penyedia latihan

Antara lain, usaha menyelaras tadbir urus, dasar ekosistem, platform digital perkongsian data, akses kepada program TVET. Mewujudkan ‘decentralised model’ bagi memberi mandat atau tanggungjawab bersama kepada kerajaan negeri atau koridor ekonomi dalam membangunkan modal insan.

“Pelaksanaan TVET di Malaysia sehingga kini diterajui 1,345 penyedia latihan terdiri 669 penyedia latihan awam dan 652 penyedia latihan swasta dengan pelbagai kaedah penyampaian dan pensijilan digunakan.

“Pengoperasian institusi TVET terbabit tertakluk kepada undang-undang berbeza mengikut kementerian atau agensi pelaksana. Oleh itu, persamaan, jurang dan ketidakselarasan antara kementerian perlu diharmonikan



dan ditangani bagi menambah baik ekosistem TVET.


“Koordinasi baik diperlukan agar hala tuju, strategi dan inisiatif pemantapan TVET dapat dilaksanakan dengan bersepadu dan berkesan. Model tadbir urus kukuh diperlukan untuk mengemudi ekosistem TVET dengan lebih berkesan dan realistik sejajar aspirasi pembangunan modal insan secara holistik,” menurut dokumen itu.

Strateginya termasuk mengkoordinasi tadbir urus penyedia TVET melalui pemerkasaan Majlis TVET Negara sebagai agensi pusat bagi penyelarasan dan kawal selia TVET, membangun dasar ekosistem TVET termasuk

menggubal Akta TVET Negara atau pindaan akta berkaitan sedia ada.

Selain itu, memperluas akses kepada program TVET melalui peningkatan penyertaan Bumiputera dalam bidang utama TVET, peningkatan penyertaan golongan rentan, pelajar tahfiz dan lain-lain serta pengenalan dan pelaksanaan program TVET pada usia lebih awal.

“Yang lain, pewujudan badan penyelarasan TVET pada peringkat pusat dan negeri serta pengumpulan data penawaran dan permintaan guna tenaga kerja mengikut keperluan sebenar setiap negeri,” menurut dokumen Dasar TVET Negara 2030 lagi.



09 JUN, 2024

Lima teras perkasa TVET di Malaysia

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Dasar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) 2030 yang dilancarkan semalam mengandungi lima teras strategik, meliputi 23 strategi dan 67 inisiatif utama bagi mendepani landskap semasa bidang itu serta cabaran teknologi baharu yang kompleks. Ia mengandungi garis panduan komprehensif yang menetapkan aspirasi dan hala tuju kerajaan dalam mencapai matlamat Malaysia ke arah negara maju berpaksikan modal insan berkemahiran melalui program TVET yang responsif, fleksibel dan inklusif.